

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Barisan Produk Kamera Pengawasan IP Baru Panasonic (E-Series)**

#### **Kualiti Imej Bermutu Tinggi, Paparan Siang & Malam dengan Kemudahan Pemantauan Mudah Alih Jarak Jauh**

**Kuala Lumpur, 4 September 2014** - Kumpulan Inovasi Perniagaan Panasonic telah menyertai Pameran Industri Keselamatan dan Kebakaran terbesar di Asia Tenggara, yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Malaysia. Panasonic dengan bangganya merupakan satu-satunya syarikat yang menyediakan produk bagi memenuhi segala jenis perniagaan. Melalui penyertaan pada tahun ini, Panasonic Malaysia menumpukan kepada 3 segmen menegak iaitu industri Perbankan & Kewangan, Industri Pembangunan Hartanah & Industri Runcit dengan menyediakan demonstrasi secara langsung yang lengkap bagi senario penyelesaian tugas-tugas pejabat, dengan memberikan tumpuan kepada pengawasan video IP yang terbaik.

Panasonic terus mengembangkan lagi barisan produknya yang luas bagi sistem pengawasan i-Pro berasaskan IP yang menggabungkan teknologi inovatif canggih yang merangkumi kamera berteknologi pintar, kamera HD penuh/HD pada 60fps, rakaman yang lebih panjang atau rakaman 'redundant edge' dengan SDXC duaan, perisian Analog & pengurusan IP serta pelbagai lagi.

Panasonic Malaysia hari ini melancarkan barisan produk baru kamera pengawasan berasaskan IP dan perakam rangkaian yang menampilkan ciri-ciri Imej Terang dan Tajam, LED IR untuk Pemantauan Siang & Malam serta aplikasi Pengawasan Mudah Alih Serba Boleh yang menyokong pemantauan jarak jauh melalui peranti mudah alih IOS dan Android. Barisan produk baru kamera dan perakam rangkaian ini menawarkan Pemasangan yang Pantas, Penyenggaraan yang Mudah dan bersifat Mampu Milik dengan port POE yang dibina siap di dalam Perakam Rangkaian.



K-EF134 Dome Camera



K-EW114 One Body Camera

Barisan Produk Kamera IP Baru ini menyokong sensor MOS 1.3 Megapiksel yang memberikan (1280 x 960) & (1280 x 720) pada 30 bingkai sesaat dan ia juga menyokong pengekodan aliran duaan H.264 dan MJPEG. IR Led yang dibina siap di dalam kamera menyokong paparan bercahaya rendah sehingga 20 meter bagi K-EF134 dan 30 meter bagi K-EW114. IR Led ini ditempatkan di dalam selongsong kalis cuaca bertaraf IP66 yang juga kalis air dan habuk. Bagi memenuhi keadaan paparan yang berbeza, K-EF134 boleh didapati dengan 3 jenis kanta fokus yang berbeza iaitu 2.8mm, 3.6mm & 6.0m, manakala K-EW114 pula boleh didapati dengan kanta fokus 3.6mm, 6.0mm & 8mm.



K-NL304 (4CH NVR)



K-NL308 (8CH NVR)

Bagi memenuhi keperluan segmen pasaran yang berbeza, selain kamera IP K-EF134 & K-EW114, 2 jenis Perakam Video Rangkaian serba boleh baru boleh didapati dalam variasi 4 saluran dan 8 saluran yang menyokong rakaman pengawasan dan paparan jarak jauh mudah alih untuk kemudahan pengguna. K-NL 304 dan K-NL308 menyokong tontonan masa nyata HD Penuh 1080p dan menyokong penyahkodan kodek duaan H.264 dan MJPEG.

K-NL304 & K-NL308 juga menyokong output video serentak HDMI/VGA dengan 4/8 saluran tayangan masa nyata selaras dan dibina siap dengan port PoE untuk menjadikan sistemnya lebih mudah digunakan.

Pasaran Tumpuan:

Pengguna di Rumah, Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana serta Perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana dan Kedai Jualan

*Rujuk katalog untuk maklumat lanjut mengenai produk*

Panasonic, perintis dalam industri CCTV telah memperkenalkan barisan produk pertamanya bagi sistem CCTV pada awal 1950-an dan mempunyai pengalaman lebih 60 tahun dalam membangunkan sistem pengawasan bagi memenuhi pelbagai permintaan dan keperluan pasaran. Saban tahun, dengan evolusi dalam teknologi, barisan produk CCTV Panasonic telah berkembang daripada teknologi analog kepada teknologi IP dan kini Panasonic berada di kedudukan No.1 dalam Bahagian Pasaran untuk Peralatan CCTV dan Pengawasan Video, berdasarkan data kajian yang diterbitkan oleh HIS.

Pelancaran hari ini menandakan kemunculan Sistem Pengawasan Panasonic ke dalam segmen pasaran Kediaman dan SMI/SME. Sebelum ini, segmen ini kebanyakannya dimonopoli oleh Sistem CCTV Analog. Kini, dengan penyatuan Telekomunikasi dan rangkaian IT di platform IP yang sama, pembekal Sistem Pengawasan IP menawarkan lebih banyak ciri-ciri dan kemudahan kepada para pengguna. Dengan mengambil kira faktor ini, barisan produk baru Kamera IP dan Perakam Rangkaian Panasonic diletakkan secara strategik untuk meneraju penghijrahan pengguna daripada segmen ini kepada Produk berasaskan IP bagi memanfaatkan inovasi terkini.

Piawaian Jaminan 3 Tahun Panasonic juga terpakai untuk barisan produk baru Kamera dan NVR ini.

### **Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Media Contact: Mazlee Mokhtar  
Senior Executive, Corporate Communications & Branding  
Marketing Innovation Department  
Panasonic Malaysia Sdn Bhd  
Tel: 03-7809 7877, 019-3837164 Fax: 03 7955 0722  
Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)